

KERATAN:

Utusan Borneo
→ Fair Etik Sabah

TARIKH:

M/S:

22/02/2013
(B6)

Daling-daling warisan tradis

UB 22/2/13 (B6)

► Tarian Daling-daling diiringi pantun yang dinyanyikan oleh seorang atau dua penyanyi

OLEH NOORHAZAH RITA
GANGGAM AZLAN
utusanborneokk@gmail.com

SETIAP bangsa di dunia ini mempunyai tarian tersendiri. Di sini, tarian Daling-daling menjadi pilihan. Tahukah anda apakah maksud di sebalik perkataan Daling-daling itu?

Perkataan daling-daling adalah kata ganda daripada perkataan Sinamah (bahasa Bajau) 'daling' yang bermaksud gerakan seluruh badan mengikut rentak tertentu. Daling-daling sering dipersembahkan sebagai tarian hiburan dalam majlis perkahwinan.

Sarimah Abdul, 36, berkata, "Setahu saya, dalam Bajau Ubian ia dipanggil Igali-igal sama juga seperti kaum Suluk juga yang dipanggil Daling-daling".

"Tarian Igali-igali ini menjadi satu hiburan utama dalam majlis perkahwinan. Dalam majlis itu, kita akan nampak siapa penari yang handal menari," katanya.

Di mana ada perkahwinan suku kaum Bajau ataupun Suluk, Daling-daling akan menjadi pilihan sebagai alat hiburan utama kerana sangat digemari oleh masyarakatnya. Tarian



SARIMAH

NORAINI

Daling-daling diiringi pantun yang dinyanyikan oleh seorang atau dua penyanyi. Secara tradisionalnya,

penyanyi yang menyampaikan nyanyian itu adalah pemuzik. Alat muzik yang digunakan pula dipanggil gabbang. Kadang-kadang pemuzik dibantu oleh seorang penyanyi lain yang lazimnya wanita, terutama apabila aturcara majlis dijangka mengambil masa yang lama yang kadang-kadang

JANGGAL atau kuku palsu.

UB - 22/02/13 (B6)

mencecah semalam.

Tarian tradisional Bajau (Daling-daling) merupakan satu tarian yang unik dan menarik disebabkan oleh gerakan seluruh badan yang digunakan. Setiap tarian atau gerakan itu mempunyai mesej tertentu.

Gerakan tangan itu membawa mesej burung terbang. Mereka menari berdasarkan lagu yang disampaikan. Daling-daling ditarikan secara berpasangan, masing-masing tiga penari lelaki dan wanita ataupun perseorangan. Ia dipersembahkan di majlis pertunangan, perkahwinan, berkhatam, berkhatam Quran atau majlis Hari Raya. Penari wanita memakai 'destar' yang disebut 'pies'.

Manakala jari mereka pula dihias dengan kuku palsu yang diperbuat daripada logam perak atau suasa kuku itu dinamakan 'janggal'. Tujuan janggal dipakai adalah untuk menampakkan lagi kecantikan tarian itu supaya jari-jari penari itu kelihatan seakan lembut.

Pada masa dahulu, alat muzik yang digunakan ialah gabbang dan dua bilah kayu yang disebut 'bolak-bolak'. Tarian Daling-daling biasanya dipersembahkan dengan irungan pukulan gabbang dan gesekan biola dan nyanyian, kuku tiruan yang panjang dan bengkok ke belakang

disematkan di sepuluh jari penari wanitanya. Liuk-lintuk badan, kaki serta pergerakan kaki penarinya memperlihatkan keunikan tarian ini.

Menurut Azim Majalan, 22, "Proses pembentukan tarian ini tidaklah sesusah mana yang dijangka bagi mereka yang benar-benar minat untuk mempelajari

jarang didapati, begitu juga dengan pakaian tradisinya. Baju kurung atau kebaya juga digunakan semasa menarikan tarian daling-daling.

Tarian daling-daling lebih memfokuskan kepada gerak tangan dan liuk-lintuk badan berbanding dengan pergerakan kaki. Ia ditarikan dengan irungan

sangat menarik perhatian orang ramai iaitu 'panji' yang bermaksud meletakkan duit di jari jemari si penari ketika dia menari.

Noraini Itu, 50, berkata ia bertujuan untuk memberikan hadiah atau saguhati kepada penari berkenaan kerana menghiburkan para tetamu yang hadir.

"Tanpa panji ini, tarian itu seperti ada kekurangan kerana adanya panji itu akan menghangatkan suasana. Selain itu, penari yang mendapat duit yang banyak akan dinobatkan sebagai penari yang handal," katanya.

Usaha dari pelbagai pihak amat diperlukan bagi menjamin warisan kebudayaan tinggalan nenek moyang tidak dilupakan begitu sahaja. Walaupun kita berada dalam arus pemodenan yang semakin pesat tetapi asal usul dan warisan kebudayaan tidak seharusnya ditinggalkan.

Oleh itu, kepelbagaian etnik dan kebudayaan masyarakat khususnya di Sabah akan terus dapat hidup dalam keadaan yang harmoni dan damai seterusnya akan memberikan satu keunikan kepada negeri Sabah. Maka, tidak hairanlah kepelbagaian budaya di negeri Sabah mampu menarik ramai perhatian pelancong luar datang.

“Punggung dan pinggang penari digerakkan dulu semasa muzik mula dimainkan. Kedua-dua kaki bergerak setempat. Apabila lagu dan muzik sudah masuk, barulah badan bergerak. Tarian ini tidak mempunyai gerakan yang khusus sebaliknya bebas selagi ia tidak lari daripada asasnya iaitu lengkokan badan dan tangan.”

tarian ini. Sebagai permulaannya, seseorang penari itu akan berada di pentas atau arena sementara menunggu lagu atau alatan muzik dimainkan."

Sekarang, Daling-daling boleh ditarikan tanpa irungan alat muzik tradisional. Kebanyakannya daripada mereka akan menggunakan cara yang paling senang iaitu menari berdasarkan lagu yang dirakam atau dinyanyikan oleh seorang penyanyi.

Hal ini kerana alat-alatan muzik berkenaan

lagu yang bertajuk Mika-Mika. Manakala suku kaum Suluk pula akan membawa lagu yang bertajuk Maglugu.

Jika dulu, alat muzik yang dikenali sebagai gabbang dan dua bilah kayu yang dipanggil bolak-bolak serta biola dimainkan, tapi pada zaman moden ini, hanya cakera padat yang diputarkan. Sekarang juga tiada lagi budaya tradisi berbalas pantun antara penari lelaki dan perempuan.

Satu keunikan yang

UB- 22/02 / 13 (B6)



PENARI daling-daling yang lengkap berpakaian tradisi.



BARISAN penari cilik yang bakal mewariskan tarian daling-daling kepada generasi akan datang.